



Perihal småles

# BERITA BUG

Musim Sejuk 2020

småles

Issue No. 04/2020

MCI(P) 072/07/2020

© Inter IKEA Systems B.V. 2020  
FSC® 100%  
NXL  
100%  
100%  
100%

IKEA

# Kandungan

- 03 Kata alu-aluan daripada Sara
- 04 Koleksi SAGOSKATT
- 05 Pertandingan melukis mainan lembut
- 06 Jenis-jenis pokok Krismas
- 09 Seni lukis & pertukangan musim sejuk
- 10 Kalendar advent Krismas
- 12 Cari perbezaan
- 14 Spesies terancam
- 15 Tentang beruang kutub
- 16 10 fakta hebat tentang beruang kutub
- 18 Ancaman terhadap beruang kutub
- 20 Peti masuk@småles
- 23 Conteng-conteng
- 24 Komik

Hai småles!

Kini, kita hampir tiba pada penghujung tahun setelah melalui pembelajaran yang sangat memanfaatkan dengan beberapa keluaran Bug News yang lalu. Mari kita berseronok pada musim percutian ini dengan mengetahui lebih lanjut tentang perayaan Krismas. Adakah adik-adik tahu terdapat lebih daripada satu jenis pokok Krismas? Selak ke muka surat 6 dan terokai jenis pokok Krismas yang berbeza-beza dan isikan masa adik-adik pada sepanjang bulan Disember ini dengan aktiviti kalendar advent eksklusif kami pada muka surat 10.

Kita juga akan mempelajari tentang spesies terancam dan mengetahui dengan lebih mendalam tentang beruang kutub dan ancaman yang beruang kutub hadapi. Lihat muka surat 15 untuk maklumat lanjut.

Dengan pelukan Big Bug,  
Sara



# Direka bentuk oleh kanak-kanak menyokong hak kanak-kanak untuk bermain.

Ucapkan 'hi' pada Llama, Gula-gula, Beruang Perang, Orang Glob, Kereta Terung dan Tikus Kumbang Kura-kura - koleksi mainan lembut baharu SAGOSKATT kami. Semuanya direka bentuk oleh kanak-kanak yang menyertai pertandingan melukis tahunan kami. Harga penuh pembelian akan disalurkan ke inisiatif setempat yang menyokong hak kanak-kanak untuk bermain, berkembang dan berseronok. Ketahui lebih lanjut di: [IKEA.my/SAGOSKATT](https://IKEA.my/SAGOSKATT).



## Gula-gula

Direka bentuk oleh Cleménce, umur 8 tahun: "Saya sukaan gula-gula dan mainan lembut saya juga makan banyak gula-gula. Dia bertuah kerana boleh mengembara dan mengembirakan kanak-kanak. Peluklah ia serat-eratnya."



## Llama

Direka bentuk oleh Christel, umur 6 tahun: "Saya telah melukis llama, haiwan yang saya sukai. Saya memberitahu mainan lembut saya agar sentiasa berada di samping dan menemani awak. Sayangnya kerana ia istimewa."



## Kereta terung

Direka bentuk oleh Ayaan, umur 8 tahun: "Kereta saya dengan tema Halloween yang mengerunkan suka bersembunyi di bawah katil dan menakut-nakutkan penceroboh. Awak boleh juga berseronok apabila melihat bagaimana kereta saya menakut-nakutkan musuh."



## Tikus kumbang kura-kura

Direka bentuk oleh Maria, umur 9 tahun: "Mainan lembut saya kelihatan bagai seekor tikus yang berpakaian seperti kumbang kura-kura. Dia bertukar kostum untuk ke pesta aneka ragam. Main dengannya dan layaninya dengan baik."



## Orang glob

Direka bentuk oleh Yo-Pong, umur 12 tahun: "Kita tinggal di planet yang indah dan saya berangan-angan bahawa suatu hari nanti saya boleh berkasut lereng ke setiap pelosok Bumi. Itu satu-satunya planet kita, jadi kita mesti menjaganya dengan sebaik-baiknya."



## Beruang perang

Direka bentuk oleh Sofia, umur 6 tahun: "Mainan lembut saya ialah beruang dan pada siang hari ia menunggang seekor anjing. Beruang yang baik, yang akan disayangi. Berikannya layanan mesra dan ada kalanya boleh menonton tayangan gambar bersama-sama."

# Jom, lukiskan kami mainan lembut yang sedap dipeluk!

Sedikit bantuan kami perlukan daripada pereka-pereka bentuk cilik berumur 12 tahun ke bawah. Sertai pertadingan melukis kami dari 19 - 29 November 2020 dan berpeluang mengubah lukisan adik-adik kepada mainan yang sedap dipeluk. Ketahui maklumat lebih lanjut di [IKEA.my/Family/Softtoy](https://IKEA.my/Family/Softtoy)

## Cara-cara penyertaan:

1. Muat turun templat lukisan di <https://family.ikea.com.my/drawing-template>
2. Mula melukis
3. Hantarkan lukisan adik-adik secara dalam talian dan adik-adik akan menerima e-Diploma melalui e-mel



## Jenis-jenis pokok Krismas

Pokok Krismas ialah pokok malar hijau yang dihiasi dengan lampu dan hiasan sebagai sebahagian daripada perayaan menyambut Krismas. Pokok Krismas yang baru dipotong, berpasu, atau buatan boleh digunakan sebagai hiasan dalam dan juga luar rumah. Kita boleh mengategorikan pokok Krismas dalam pelbagai jenis yang berbeza-beza, tetapi dua jenis yang terkenal ialah: **Pokok Fir** dan **Pokok Pain**.

**Pokok fir** ialah genus pokok konifer malar hijau dan juga merupakan pilihan yang popular semasa perayaan.

Balsam fir ialah pohon malar hijau yang terkenal dengan bentuk kerucutnya dan berdaun lebat berwarna hijau tua, rata dan seperti jarum. Pokok Krismas yang paling biasa digunakan di kebanyakan rumah kerana ia kelihatan menarik dan dengan aroma yang menyenangkan.

Dahan kuning-hijau fraser fir mempunyai ciri bentuk kerucut dengan dahan bersudut sedikit condong ke atas. Juga terkenal kerana lebih kukuh, menjadikan pokok Krismas ini sebagai pilihan yang bagus untuk perhiasan yang berat.

Fraser Fir

Pokok sederhana malar hijau yang mempunyai penahanan jarum yang hebat. Daunnya rata dan seperti jarum, dengan warna hijau yang menarik.

Pokok fir ini memperlihatkan bentuk piramid penuh dengan daun berwarna biru atau hijau gelap yang mengeluarkan salah satu aroma paling kuat antara semua pokok Krismas.

Douglas Fir



Balsam Fir




Canaan Fir



ialah pokok konifer malar hijau dalam genus pinus dan merupakan pokok konifer paling biasa di seluruh dunia.

## Pokok pain

Pokok pain scotch juga terkenal dengan penahanan jarum jangka panjang, bermakna adik-adik kurang melakukan tugas pembersihan apabila Krismas berakhir nanti. Yang menariknya, pokok ini ialah pokok kebangsaan bagi Scotland.



Pokok Pain Putih



Pokok Pain Scotch



Pokok Pain Virginia

Boleh dikenali dengan mudah kerana jejurumnya yang pendek dan berpintal yang tumbuh secara berpasangan. Pokok ini memperlihatkan dahan yang pendek dengan dedaun lebat yang sesuai untuk perapian.

### Sumber-sumber:

- <https://www.britannica.com/plant/Christmas-tree>
- <https://www.proflowers.com/blog/16-types-of-christmas-trees>

Cari arah adik-adik untuk bertemu Sara




## Seni lukis & pertukangan musim sejuk

Hasilkan pokok Krismas buatan adik-adik sendiri!

\*Bimbingan ibu bapa disarankan.

### Bahan-bahan:

- 3-5 penggulung kertas tisu kosong
- Cat hijau
- Surat khabar atau cebisan kertas
- Penebuk lubang
- Gam PVA
- Tali pintal (pilihan)



### Langkah-langkah:

1. Ratakan penggulung kertas tisu dan lakarkan sebatang pokok Krismas mengikut ukuran pilihan adik-adik.
2. Potong garis bentuk lakaran pokok Krismas.
3. Seterusnya, campurkan gam PVA dengan cat hijau untuk mengecat pokok. Kemudian tunggu sehingga ia kering.
4. Pada hujung yang lain, buat sedikit konfeti kertas daripada surat khabar/cebisian kertas menggunakan penebuk lubang dan lukiskan bintang pokok Krismas di atas kertas dan potong.
5. Setelah selesai, gunakan gam untuk melekatkan konfeti di sekitar pokok dan tambahkan bintang di bahagian atas pokok.
6. Akhirnya, biarkan kraf kering sepenuhnya dan hasilkan gelung dengan tali pintal adik-adik untuk menggantung pokok Krismas di tempat kegemaran adik-adik.

# Kalendar advent Krismas

1 Dec

Ini musim percutian!  
Berikan diri adik-adik  
pelukan erat dan katakan  
"Saya hebat dan saya  
sangat menyayangi  
diri saya"

2 Dec

Pelajari lagu  
Krismas baharu

3 Dec

Nikmati hidangan  
makan malam yang  
enak bersama dengan  
keluarga dan wujudkan  
kenangan manis

4 Dec

Baca buku tentang  
kisah Krismas

5 Dec

Balut hadiah  
dengan surat  
khabar yang  
dikitar semula

7 Dec

Kitar semula surat khabar  
yang tidak digunakan

Hasilkan  
beberapa kad  
Krismas buatan  
sendiri

8 Dec

Buat senarai  
hasrat dengan 10  
perkara yang  
ingin adik-adik  
lakukan pada  
tahun 2021.

10 Dec

Tulis  
sepucuk surat  
kepada santa

Dear Santa

11 Dec

Kemas mainan  
adik-adik dan  
sumbangkan mainan  
berkualiti kepada  
badan kebajikan

12 Dec

Buat pokok  
Krismas  
DIY.

Lihat muka  
surat 9

13 Dec

Buatkan minuman  
coklat panas yang lazat  
bersama dengan  
ibu-bapa adik-adik

14 Dec

Bakar biskut  
Krismas untuk  
keluarga  
adik-adik dan  
kongsi bersama  
dengan jiran  
adik-adik.

15 Dec

Kunjungi rumah orang  
tua-tua dan hulurkan  
biskut buatan sendiri

16 Dec

Pelawa  
beberapa rakan  
untuk pesta  
menghias  
biskut.

17 Dec

Hasilkan kad "ucapan terima  
kasih" untuk ibu bapa  
adik-adik dan tuliskan betapa  
bermakna mereka kepada  
adik-adik.

18 Dec

Menari  
mengikut Lagu  
Krismas

19 Dec

Kongsi jenaka:  
Apakah sandwic  
kegemaran Santa? —  
Mentega kacang dan  
keseronokan.

20 Dec

Pergi membeli-belah  
Krismas bersama-sama  
ibu bapa adik-adik

21 Dec

Bungkus beberapa hadiah  
Krismas untuk ibu dan  
ayah adik-adik.

22 Dec


Tonton filem  
Krismas bersama  
dengan seluruh  
keluarga  
adik-adik

23 Dec

Ambil gambar bersama  
dengan seluruh keluarga  
adik-adik dengan senyuman  
manis dan lebar


24 Dec

Nyanyikan lagu Krismas  
untuk seisi keluarga adik-adik  
dan ucapkan kepada semua  
"Selamat Hari Krismas dan  
semoga tahun yang  
bakal ditempuhi  
diberkati".



## Cari perbezaan

Bolehkah adik-adik cari  
20 perbezaan  
di dalam lukisan ini?



Hantarkan jawapan adik-adik berserta nama, nombor pasport Smalish, umur, alamat dan maklumat perhubungan ke [sara@smales.com.my](mailto:sara@smales.com.my) atau **smales, No.2, Jalan PJU 7/2, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor**, selewat-lewatnya pada 11 Disember 2020. 30 pemenang bertuah setiap seorang akan memenangi satu **Lapik pinggan MATVRÅ**.





## Spesies yang terancam

Seekor haiwan dikatakan terancam apabila terdapat terlalu sedikit yang masih hidup di bumi ini, lantas menjadikan seluruh spesies ini berada dalam bahaya lenyap selama-lamanya. Apabila spesies terhapus sepenuhnya—dan tidak satu pun yang hidup di mana sahaja di Bumi—ia dianggap pupus.

Malangnya, satu dalam setiap empat mamalia berada dalam keadaan terancam. Mari kita ketahui lebih lanjut tentang beruang kutub yang menarik dan hebat yang telah diklasifikasikan sebagai spesies terancam.

## Tentang beruang kutub

Jenis: Mammalia

Diet: Karnivor

Purata jangka hayat di alam liar:  
**25-30 tahun**

Saiz:  
**Kepala dan badan: 7.25 hingga 8 kaki;  
Ekor: 3 hingga 5 inci  
Berat: 408 hingga 726 kilogram**

Beruang kutub atau beruang laut/ais ialah karnivor darat terbesar di dunia. Beruang kutub tinggal di sepanjang pantai dan di atas ais laut di Kutub Utara yang sejuk. Ketika ais laut terbentuk di lautan dalam cuaca sejuk, banyak beruang kutub, kecuali betina yang hamil, menuju ke ais untuk memburu anjing laut.

Beruang kutub menghabiskan terutamanya 50% daripada masa untuk memburu. Beruang kutub sering berehat di lubang pernafasan anjing laut di dalam ais, menunggu anjing laut timbul di permukaan. Beruang kutub juga boleh berburu dengan berenang di bawah ais.

Beruang kutub penting kerana ia melambangkan kepentingan budaya yang kukuh bagi orang-orang Artik dan merupakan pemangsa teratas dalam jaringan makanan yang penting dalam memperseimbangkan rantaian makanan dan ekosistem.

## 10 fakta hebat tentang beruang kutub

1

Beruang kutub diklasifikasikan sebagai mamalia laut kerana menghabiskan masa hidup di laut ais.



2  
Beruang kutub sebenarnya berwarna hitam, bukan putih kerana bulunya lut cahaya, dan hanya kelihatan putih kerana bulu ini memantulkan cahaya yang dapat dilihat.



4

Beruang kutub boleh menjadi terlampau panas kerana berlari dan ketika suhu meningkat.



5

Mamalia yang luar biasa ini mempunyai deria bau yang luar biasa (sejauh 16km) yang boleh digunakan untuk mengesan makanan kegemaran iaitu anjing laut.



6

Berat beruang kutub jantan seberat 10 lelaki.



7

Para saintis dapat mengekstrak DNA beruang kutub hanya dari jejak kaki beruang kutub.



9

Semasa dilahirkan, anak beruang kutub hanya sekitar 30cm dan beratnya sekitar setengah kilogram – iaitu hampir sama dengan tikus belanda!



8

Walaupun berukuran besar dan gemok, beruang kutub ialah perenang yang terbaik, dan telah terlihat di perairan lebih 100km dari pesisir pantai.



10

Beruang kutub membersihkan diri dengan bergolek di atas salji.



### Sumber-sumber:

- [https://www.natgeokids.com/uk/discover/animals/general-animals/polar-bear-facts/#:~:text=1\)%20Polar%20bears%20are%20found,\(meat%20eaters\)%20on%20Earth!](https://www.natgeokids.com/uk/discover/animals/general-animals/polar-bear-facts/#:~:text=1)%20Polar%20bears%20are%20found,(meat%20eaters)%20on%20Earth!)
- <https://www.wwf.org.uk/learn/fascinating-facts/polar-bears>
- <https://arctickingdom.com/10-fast-facts-polar-bears/>

## Ancaman terhadap beruang kutub

Perubahan iklim ialah ancaman terbesar kepada beruang kutub. Ini ialah proses pemanasan bumi kita dan mempengaruhi habitat ais laut yang menyukarkan beruang kutub untuk memburu. Kerana perubahan iklim, ais mencair lebih cepat dan membentuk semula kembali secara lebih perlahan dan ini memberikan peluang yang sedikit untuk kutub beruang mencari makan lalu lama kelamaan pertumbuhan beruang kutub semakin merosot atau dalam keadaan yang lebih buruk.



Beruang kutub yang tidak sihat bermakna kadar pembiakan yang lebih rendah, kadar kematian anak beruang yang lebih tinggi - dan lama-kelamaan, kepupusan secara setempat. Penyebab utama kematian anak-anak beruang ialah kekurangan makanan atau kekurangan lemak pada ibu yang menyusu.

Pencemaran toksik juga merupakan satu ancaman terhadap beruang kutub kerana rantaian makanan terdedah kepada paras bahan kimia toksik yang tinggi dan beruang kutub memakannya, dan ini kemudiannya memberi kesan terhadap pertumbuhan mereka.

### Sumber-sumber:

- <https://arcticwwf.org/species/polar-bear/threats/>
- <https://www.natgeokids.com/uk/discover/geography/general-geography/what-is-climate-change/>

## Bagaimana cara kita boleh membantu spesies terancam ini?



Kunjungilah zoo setempat atau kawasan simpanan semula jadi.



Beberapa kawasan semula jadi atau zoo mengadakan lawatan berpandu dan jalan kaki khas untuk anak-anak. Bercakap dengan renjer untuk mengetahui sama ada terdapat spesies yang terancam dan bagaimana spesies ini dilindungi. Ketahui lebih lanjut tentang spesies terancam ini dan serta aktiviti hidupan liar setempat yang dianjurkan.

### Kuasa perkongsian pengetahuan.

Buat kajian tentang haiwan terancam dengan membaca ensiklopedia, buku atau menonton video. Ketahui bagaimana haiwan hidup dan makan. Cuba cerminkan bahasa badan mereka untuk memahami haiwan itu dan kongsikan dengan keluarga dan rakan adik-adik apa yang telah adik-adik pelajari. Semakin banyak adik-adik berkongsi, semakin banyak pengetahuan setiap orang peroleh".



### Kitar semula dan beli produk lestari.

Di rumah, adik-adik boleh membantu mengasing-asingkan sampah kepada barang yang boleh dikitar semula dan barang yang tidak boleh dikitar semula. Banyak barang yang boleh dikitar semula, termasuk keluli, tin aluminium dan banyak lagi. Dengan mengitar semula, kita dapat mengurangkan jumlah sampah dan ini akan membantu alam sekitar.



### Sumber-sumber:

- <https://www.environment.gov.au/biodiversity/threatened/publications/factsheet-green-kids-guide-threatened-species-9-ways>
- <https://kids.nationalgeographic.com/explore/nature/mission-animal-rescue/raise-awareness/>

# PETIMASUK @SMALES

## Tema keluaran lepas:

Akhirnya tiba masanya untuk Sara dan Bugbug menghias pokok Krismas mereka! Bagaimanakah rupanya nanti?



Wan Syahmina Maritza Binti Wan Mohd Masdi, 10 tahun



Abigail Yeong Huey, 9 tahun

**Sara dan Bugbug sedang bersantai di taman yang indah di tepi tasik, pada pendapat adik-adik apakah yang mereka lihat?**

Sertakan nama, umur, nombor pasport Smålish dan alamat adik-adik, dan hantarkan lukisan adik-adik ke [sara@smales.com.my](mailto:sara@smales.com.my) atau [smales.com.my](http://smales.com.my), No 2, Jalan PJU 7/2, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor, selewat-lewatnya pada **11 Disember 2020**. 2 pemenang bertuah setiap seorang akan memenangi satu **Set 3 unit keretapi LILLABO**.



**Surat terbaik**  
Every Chrismas,Sara and Bugbug each get a present from Santa .But on this Chrismas,when they woke up,they saw an extra present under the Chrismas tree.They were confused,but Bugbug just said:"Lets open our present first then open the other present."After they opened their present.They opened the extra present.There was nothing in it but a little piece of paper. It said;"To get to the treasure go to Dany's Donuts shop for the next clue ." So they quickly ran to the donut shop. When they show the shop keeper the paper, the shop keeper said:" Well I don't know what are you talking about but would you like some donuts?" Sara and Bugbug accepted his offer, when they about to go home, the bag that held the donuts dropped and the donuts box fell out, they open the box and there was no donuts but a piece of paper and it look like some sort of map. The paper written" The treasure you want will be fun, the way you find it is to go to the place that full of ice, is not out door but indoor.".Sara and Bugbug though for a moment and Bugbug shouted:"The ice skating ring club.".So they went there. It was dark when they came in, all of a sudden the lights switched and every one shouted "MERRY CHRİSMAS ". It turns out the extra present is a clue to the party.They sang danced all day.At night they lied at the snow and saw a shooting star.Sara shouted make a wish everyone. so they did.

Wong Qi Xuan, 10 tahun

**Surat terbaik**  
It was the night before Christmas and every year, under the Christmas tree, there will be a present for Sara and Bugbug each. However, this year there was an extra present with no name on it. Curious, Sara asked if Bugbug has any idea whose present it was.

Bugbug: I've no idea whose present is this. I wonder what's inside. Should we open it?  
Sara: I don't think we should take what is not ours. Let's just wait on. Perhaps its owner will come and claim it. Let's open our own presents!

They both eagerly opened their presents. Sara received a three-ply washable face mask while Bugbug received a bottle of hand sanitizer. They were both really happy to receive such useful gifts. Soon after, they went to bed as it was bedtime.

The next morning, Sara and Bugbug were having their breakfast next to the Christmas tree.

Bugbug: I had the weirdest dream last night. I dreamt that the Coronavirus is finally defeated and we were the hero who saved the world.  
Sara: (jaw dropped) Gosh, I had the same exact dream too!

They both looked at the unnamed present under the Christmas tree. It was unwrapped! There was a note next to it. The note wrote, "To: Everyone. Item: Coronavirus vaccine. Message: Merry Christmas. Stay healthy and coronavirus-free! From: ...."


Khaliff Iman, 8 tahun

## Tema keluaran lepas:

Setiap tahun, di bawah pokok Krismas, masing-masing akan ada hadiah untuk Sara dan Bugbug. Walau bagaimanapun, pada tahun ini ada hadiah tambahan tanpa nama. Pada pendapat adik-adik apakah di dalam hadiah tersebut dan siapakah yang tinggalkannya di situ?

**Hari ini hari yang indah dengan cahaya matahari bersinar menembusi tingkap dan bunga-bunga berwarna-warni berkembang mekar di halaman depan. Sara dan Bugbug sedang menikmati masa minum teh mereka dan menghayati suasana alam yang indah dan burung yang berterbang. Perlahan-lahan awan mula mendung dan....**

Sertakan nama, umur, nombor pasport Smålish dan alamat adik-adik, dan hantarkan surat adik-adik ke [sara@smales.com.my](mailto:sara@smales.com.my) atau [smales.com.my](http://smales.com.my), No 2, Jalan PJU 7/2, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor, selewat-lewatnya pada **11 Disember 2020**. 2 pemenang bertuah setiap seorang akan memenangi satu **Para-para dinding LUSTIGT**.



Susun kembali hidangan Krismas kegemaran anda



## Conteng-conteng

Penuhi muka surat dengan lukisan beruang kutub sedang menikmati perayaan Krismas.